

## ORIGINAL ARTICLE

## ELEMENTS CONCERNING THE EFFECTIVENESS OF THE IMMARAH PROGRAM IN MOSQUES IN THE CONTEMPORARY ERA: A NEED ANALYSIS STUDY

Mohd Suhardi Mat Jusoh<sup>1</sup>, Abdul Kamil Jamaludin<sup>2</sup>, Mohd. Nordin Samah<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia.

<sup>2</sup> Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia.

<sup>3</sup> Masjid Negeri Pulau Pinang, 10400 Pulau Pinang, Malaysia.

**ABSTRACT** – In today's contemporary era, the function of the mosque should not be limited as a worship institution. In fact, the role of the mosque should be beyond the boundaries, which is the mosque should be an effective center for the development of muslim community. In this regard, a lot of efforts to strengthen the mosque programmes should be implemented consistently in order to meet the goals of the development for muslim community contemporary. In this aspect, this study seeks to identify the main elements of the effectiveness for the mosque programmes to be in line with the framework of muslim community development in the contemporary era. The methodology of this study is a content analysis through qualitative method by reviewing of previous and current studies in the same and similar study to the title of this study. Based on the findings of document analysis, researchers can identify five main elements of the effectiveness for current mosque programmes that need to be strengthened namely professional management of mosque programmes, data profiling of mosque visitors, mosque networking with government and private agencies, empowerment of *non-formal* education programmes, application of technology in mosque current programmes. These five elements are expected to strengthen the current programmes with high competent today.

### ARTICLE HISTORY

Received: 24<sup>th</sup> Feb. 2022

Revised: 24<sup>th</sup> Mar. 2022

Accepted: 12<sup>th</sup> May 2022

### KEYWORDS

*Mosque Programmes*

*Elements of The Effectiveness*

*Transformation Model*

## ELEMEN- ELEMEN KEBERKESANAN PROGRAM PENGIMARAHAN MASJID ERA KONTEMPORARI: KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN

**ABSTRAK** - Di era kontemporari kini, fungsi institusi sesebuah masjid seharusnya tidak terhad sebagai tempat ibadat semata-mata, malah peranan masjid seharusnya melangkaui sempadan iaitu masjid seharusnya berperanan sebagai pusat pembangunan masyarakat Islam yang berdaya saing. Sehubungan itu, usaha-usaha pemerkasaan program pengimarahkan masjid seharusnya dilaksanakan secara konsisten agar dapat memenuhi matlamat pembangunan masyarakat Islam kontemporari. Dalam aspek ini, kajian ini berusaha untuk mengenalpasti elemen-elemen keberkesanan utama program pengimarahkan masjid bagi membangunkan model konseptual kajian. Metodologi kajian ini berbentuk analisis kandungan secara kualitatif terhadap penulisan kajian-kajian terdahulu dan semasa dalam skop kajian yang hampir sama dengan tajuk kajian ini. Berdasarkan dapatan analisis dokumen yang telah dijalankan, penyelidik dapat mengenalpasti lima elemen utama keberkesanan program pengimarahkan masjid masa kini yang perlu diperkasakan iaitu pengurusan profesional program pengimarahkan masjid, *profiling* data ahli kariah masjid, jaringan masjid dengan agensi kerajaan dan swasta, pemerkasaan program pendidikan *non-formal* masjid dan aplikasi teknologi dalam program pengimarahkan masjid. Kelima-lima elemen ini diharapkan dapat memperkasakan program pengimarahkan masjid masa kini dengan kompetensi tinggi.

### KATA KUNCI

Program Masjid

Elemen Keberkesanan

Model Transformasi

### PENDAHULUAN

Institut masjid dianggap penting dalam pembangunan agama Islam, masyarakat dan negara. Peranannya turut merangkumi markas perbincangan pendidikan, pentadbiran, politik, sosial dan sebagainya. Pelbagai kemaslahatan dan kepentingan umat Islam bermula di sini, lantaran terlalu besar peranan yang dimainkan olehnya. Oleh itu, pengurusan masjid yang mantap dapat mengimarahkan lagi pelbagai aktiviti di masjid dalam usaha menghidupkan kesedaran dan penghayatan Islam yang sebenar kepada masyarakat (Norita Kamarudin, 2019). Walaubagaimana pun, secara ironinya masih lagi terdapat stereotaip bahawa pengurusan masjid masih lagi dilaksanakan secara tradisional tanpa melakukan sebarang pindaan atau perubahan. Antara isu yang tidak berkesudahan dan telah berlarutan sehingga kini adalah kebanyakan peranan masjid telah ditafsirkan sebagai tempat khusus untuk ibadah sahaja (Roslan Mohammed, 2008).

Sementara fungsi-fungsi utama masjid sebagai pusat ekonomi, sosial dan pendidikan diambil alih oleh pelbagai agensi lain. Untuk mengembalikan peranan asal masjid, institusi ini seharusnya diberi nafas yang baru agar institusi ini dapat berperanan sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keislaman, pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat, pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak serta nadi ekonomi masyarakat setempat (Nor Azlina. et.al, 2017). Hasrat yang dinyatakan ini adalah selari dengan objektif rancangan takmir masjid iaitu mengimarahkan masjid dengan pengisian ilmu, solat berjemaah dan menjadikannya sebagai pusat pendidikan pembangunan masyarakat yang seimbang (Syuhadak, 2007). Dalam memenuhi objektif ini, penganjuran pelbagai program dan aktiviti pengimarahkan masjid masa kini seharusnya menepati dengan aspirasi dan citra pembangunan masyarakat Islam kontemporari. Untuk itu, program pengimarahkan masjid yang dilaksanakan seharusnya dapat dinilai secara menyeluruh agar elemen-elemen keberkesannya dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Elemen-elemen keberkesanan yang dikenal pasti pula dapat dijadikan sebagai model yang komprehensif dalam memperkasakan program pengimarahkan masjid di era kontemporari ini.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Masjid merupakan institusi masyarakat yang paling sesuai untuk dilaksanakan sebarang aktiviti dan kegiatan yang bercorak keagamaan atau sosial yang mendatangkan kebaikan kepada masyarakat Islam sekitar. Walaubagaimanapun, dapatan kajian lepas menunjukkan fungsi masjid masih lagi terhad sebagai tempat beribadat untuk solat dan *i'tikaf*, di samping beberapa kegiatan yang lebih tertumpu kepada pengajian dan ceramah agama. Manakala urusan masyarakat hampir tidak lagi melibatkan masjid selain dari urusan berkaitan nikah kahwin, kematian dan seumpamanya (Yusmini et.al, 2004). Dalam konteks pengimarahkan solat fardu berjemaah, dapatan kajian lepas menunjukkan jumlah kehadiran umat Islam adalah sekitar 5-10 % peratus sahaja di satu-satu kawasan (Firdaus Mokhtar et.al, 2018). Dapatan ini tidaklah menggambarkan bahawa kedatangan di antara anggota masyarakat Islam yang tidak melaksanakan solat kerana solat boleh dilakukan di mana-mana sahaja tetapi jumlah tersebut menggambarkan jumlah yang sedikit daripada keseluruhan masyarakat Islam yang hadir ke masjid. Secara umum, dapatan kajian ini telah mengenal pasti tujuh faktor utama yang mendorong kepada kehadiran yang sedikit dalam kalangan masyarakat Islam iaitu fungsi masjid yang terhad, masalah individu, kemudahan asas yang tidak sempurna, lokasi tidak strategik, kelemahan pengurusan pentadbiran, kelemahan pengurusan kewangan serta keperibadian imam dan pegawai masjid. Di antara faktor-faktor yang dinyatakan ini, aspek pengurusan yang lemah adalah sangat ketara kepada kemerosotan kehadiran jemaah ke masjid. Faktor ini merangkumi empat aspek utama iaitu kelemahan menguruskan konflik organisasi, pengurusan masjid yang tidak mengambil berat soal pengimarahkan berbanding pembangunan fizikal, campur tangan politik dan kelemahan pengurusan aktiviti (Muhammad Faisal Ashaari, 2018).

Dalam aspek penganjuran program pendidikan di masjid, dapatan kajian lepas menunjukkan sambutan masyarakat Islam terhadap program kelas agama di setiap masjid adalah berbeza-beza, kerana ianya mengalami keadaan pasang surut mengikut keadaan dan persekitaran umat Islam di satu-satu tempat (Fakhrul Adabi, 2007). Secara jelas, sambutan terhadap kelas-kelas tersebut kelihatan kurang menggalakkan iaitu kebanyakan pesertanya adalah orang yang sama dan amat sedikit pertambahan peserta baru yang mengikutinya sedangkan kos yang banyak telah diperuntukkan bagi menjayakan kelas agama terutamanya untuk bayaran wang saku hati tenaga pengajarnya. Dalam perkara ini, dapatan kajian lepas menjelaskan antara faktor-faktor ketidakberkesanan adalah kerana ketiadaan perancangan dan penyelarasan yang menyeluruh, kelemahan dalam pelaksanaan peraturan dan kawalan, kepimpinan yang tidak dapat menaikkan imej dan status masjid serta program pengimarahkan yang terhad (Yusmini & Mohd Anwarulhaq, 2004). Dapatan kajian turut mendedahkan penglibatan golongan remaja dalam program masjid amatlah terhad, malah peranan masjid dilihat hanya sebagai tempat orang dewasa, warga tua dan pesara sahaja. Kumpulan remaja yang mewakili seluruh golongan masyarakat dilihat kurang dan tidak berminat dalam program masjid. Tidak kurang juga, faktor dalaman masjid menyebabkan kumpulan remaja tidak berminat hadir ke masjid. Hal ini menyebabkan mereka jauh dari agama serta mudah terdedah kepada pengaruh negatif, masalah sosial dan keruntuhan akhlak (Muhammad Imran, 2020). Dalam aspek hebahan dan publisiti program pengimarahkan masjid, kajian-kajian lepas turut mengenal pasti salah satu faktor sedikitnya sambutan orang ramai adalah kegagalan pihak masjid mempromosikan program-program yang dianjurkan secara berkesan. Faktor ini dapat dilihat dalam satu aspek iaitu sesetengah masjid gagal mempromosikan sesuatu program kepada sasaran pengunjung masjid yang sebenar kerana iklan untuk aktiviti-aktiviti masjid hanya di tampilkan di papan kenyataan dan tidak menggunakan medium baharu seperti *facebook*, *twitter*, *youtube* dan sebagainya (Muhammad Faisal Ashaari et.al. 2018). Sekiranya pihak masjid dapat memanfaatkan kelebihan teknologi dalam mempromosikan program pengimarahkan masjid, maka pastinya imej masjid yang unggul dapat ditonjolkan sebagai “*nucleus of the society*” dalam kalangan masyarakat Islam kontemporari. Justeru, pihak pengurusan masjid seharusnya tidak ketinggalan untuk turut memanfaatkan kelebihan teknologi dalam memperkasakan program pengimarahkan masjid agar institusi ini terus kekal unggul dalam memperkasakan agenda pembangunan ummah (Rosnita Sharani, 2013). Sebagai rumusannya, melalui isu dan permasalahan yang dapat dikenal pasti melalui sorotan dapatan kajian-kajian lepas, adalah jelas terdapatnya suatu keperluan yang mendesak untuk dilaksanakan suatu kajian ilmiah bagi mengenal pasti elemen-elemen keberkesanan yang dapat memperkasakan program pengimarahkan masjid dalam memenuhi keperluan pembangunan kontemporari masyarakat Islam masa kini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metod analisis kandungan (content analysis) secara kualitatif iaitu analisis teks terhadap kajian- kajian terdahulu dalam tajuk kajian yang hampir sama dengan tajuk kajian ini. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat dan data yang komprehensif bagi penyelidik membina suatu model konseptual dan landasan teori kajian ini bagi memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti elemen-elemen keberkesanan utama program pengimarah masjid masa kini.

## ELEMEN-ELEMEN KEBERKESANAN PROGRAM PENGIMARAHAN KONTEMPORARI MASJID

### Pengurusan Profesional

Pada masa ini, institusi masjid didapati masih ketinggalan berbanding institusi-institusi yang lain dalam aspek pentadbiran dan pengurusan program pengimarah masjid. Hal ini berlaku disebabkan oleh sesetengah masjid tidak diperkenalkan dengan suatu sistem pengurusan sistematik untuk menarik orang ramai hadir ke masjid. Berikutan itu, kebanyakan masjid telah hilang daya tarikkannya dan telah ditafsirkan sebagai tempat khusus untuk ibadah semata- mata di mana kurangnya aktiviti yang boleh menarik minat masyarakat setempat ke masjid (Roslan Mohamed, 2008). Kebanyakan masjid hanya diterajui oleh seorang atau dua orang yang benar- benar ingin berkhidmat sedangkan ahli jawatankuasa yang telah dipilih agak ramai bilangannya tetapi mereka tidak menjalankan tanggungjawab dengan sewajarnya. Maka isu utama yang ingin diketengahkan adalah bagaimana institusi masjid dapat membangunkan sistem pengurusan yang sistematik dari segi struktur organisasi, ekonomi, aktiviti dan infrastruktur masjid di era kontemporari ini. Untuk menangani isu ini, barisan kepimpinan masjid seharusnya benar- benar cekap dan berkemahiran dalam pengurusan dan pentadbiran masjid di era kontemporari ini agar fungsi masjid dapat ditonjolkan dalam konteks yang lebih luas iaitu sebagai pusat komuniti muslim setempat (Zainudin Yusof, 2015). Elemen ini sangat penting untuk diketengahkan dalam konteks pengurusan institusi masjid masa kini kerana asas kejayaan sesebuah masjid adalah urus tadbir yang profesional dan efisien yang dapat meletakkan peranan masjid di tempat sewajarnya. Justeru, individu yang terlibat dalam urus tadbir masjid seharusnya memiliki kemahiran mentadbir dan mengurus di samping memiliki jiwa keimanan dan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. Kajian-kajian lepas menunjukkan kejayaan pengimarah program masjid adalah sangat berkait rapat dengan pentadbiran yang cekap oleh barisan kepimpinan masjid. Sebagai contoh, kejayaan program pengimarah masjid di Masjid Puncak Alam adalah kerana terdapatnya keterlibatan staf yang cekap dari unit sumber manusia, kewangan, aset, teknologi maklumat, iman eksekutif, pegawai agama dan pekerja-pekerja kebersihan yang melaksanakan tugas-tugas kebersihan dan keceriaan masjid (Syuhada', 2017). Untuk tujuan ini, barisan ahli jawatankuasa masjid di era kontemporari seharusnya terdiri dari beberapa individu yang mempunyai kepelbagaian bidang kepakaran yang dapat menjanakan modal insan yang dinamik serta perkongsian sumber yang bermakna dalam menjayakan pelbagai pengimarah masjid yang berimpak kepada masyarakat Islam setempat. Selain itu, barisan kepimpinan masjid yang dilantik perlu mempertingkatkan kompetensi diri melalui latihan dan kursus pengurusan profesional agar berlakunya anjakan mentaliti dalam kalangan pentadbir masjid untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan masjid. Apabila pengurusan masjid dapat menawarkan perkhidmatan, kemudahan atau program yang menarik, maka elemen ini akan dapat menarik minat ahli kariah sekitar untuk terus datang ke masjid. Di sinilah terletaknya kepentingan pengurusan profesional dalam pengurusan program pengimarah masjid di era kontemporari ini. Di sinilah terletaknya kepentingan pengurusan profesional dalam pengurusan program pengimarah masjid di era kontemporari ini (Mohd Ridhwan Remly et al., 2019).

### Profiling Ahli Kariah Masjid

Kepentingan masjid dewasa ini tidak boleh disandarkan fungsinya sebagai sekadar tempat untuk melaksanakan ibadah solat lima waktu sahaja, malah masjid merupakan pusat pembangunan ummah yang dijalankan melalui pelbagai aktiviti dan program pengimarah masjid. Sehubungan itu, pengimarah sesebuah masjid dengan aktiviti- aktiviti yang berkaitan dengan agenda memperkasakan pembangunan ummah, menuntut kepada penyertaan semua golongan lapisan masyarakat agar aktiviti-aktiviti yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan jayanya (Ariffin et.al. 2009). Berdasarkan kepada tujuan ini, penyertaan semua golongan masyarakat dalam sebarang aktiviti pengimarah masjid adalah amat signifikan dalam usaha memperkasakan agenda pembangunan ummah di era kontemporari ini (Mohamad Sofuan, 2019). Secara umumnya, terdapat sembilan golongan masyarakat yang perlu disantuni dalam program pengimarah di sesebuah masjid dan mereka itu adalah kumpulan kanak-kanak, remaja, warga emas, wanita, orang kelainan upaya (OKU), musafir, gelandangan, transgender dan bahkan individu non-muslim. Dengan itu, masjid seharusnya mesra masyarakat dengan meraikan kepelbagaian peringkat umur ahli kariah termasuk kanak- kanak, remaja dan wanita (Jamilia Mohd Marsin, 2017). Dalam aspek ini, keperluan mengenalpasti latar belakang ahli kariah dalam pelbagai lapisan masyarakat adalah sangat mustahak untuk pihak pengurusan menjayakan kepelbagaian program pengimarah masjid yang bersesuaian dengan setiap kumpulan lapisan masyarakat bagi tujuan menarik minat mereka untuk terus datang ke masjid (Mohamad Rozaini et.al. 2014). Di sinilah terletaknya kepentingan mewujudkan profil penyertaan setiap lapisan masyarakat dalam satu sistem pengurusan pangkalan data khusus bagi memudahkan pihak masjid mengenalpasti ruang lingkup masyarakat yang menjadi pengunjung atau jemaah masjid di sesuatu kawasan (Rosnita Sharani, 2013). Maklumat *profiling* ini sangat berguna kepada pihak masjid dalam pelbagai urusan kemasyarakatan terutamanya dalam menjayakan pelbagai program pengimarah masjid seperti pengurusan program pendidikan, kegiatan komuniti dan badan khairat kematian di masjid. Selain itu, maklumat profil penyertaan ahli kariah masjid akan dapat memudahkan pihak pengurusan masjid mendapat

maklum balas dari mereka dalam penganjuran setiap program dan aktiviti pengimarah masjid. Apabila perkara ini dapat dilaksanakan, pihak pengurusan masjid akan dapat mengenalpasti strategi pemasaran program yang berkesan dalam usaha menarik minat kepelbagaian lapisan masyarakat untuk datang ke masjid. Ini kerana para jemaah atau pengunjung boleh dianggap sebagai pelanggan yang perlu ditarik datang untuk mengimarahkan masjid pada setiap masa (Zainul Abidin 2013 dalam Jamilia Mohd Marsin, 2017). Oleh itu, sekiranya pihak masjid ingin pelanggannya datang berkali-kali, seharusnya sesebuah masjid itu mengenali dengan lebih mendalam latar belakang pelanggannya dan mesra kepada mereka semua. Akhirnya, institusi masjid diyakini sebagai institusi yang dapat menarik minat orang ramai kerana memenuhi kriteria “menyumbang dan memberi “kepada setiap lapisan masyarakat, tanpa menyisihkan mana-mana kumpulan dalam masyarakat dan elemen ini sudah pastinya memberi nilai tambah yang cukup besar dalam memperkasakan program pengimarah masjid di era kontemporari ini (Muhammad Firdaus et.al, 2017).

### Jaringan dan Hubungan Luar Masjid

Pengimarah institusi masjid memerlukan keterlibatan masyarakat sekeliling untuk saling membantu dengan pelbagai keupayaan yang dimiliki. Dalam aspek ini, prinsip sosial yang dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W. seharusnya dijadikan panduan dalam mewujudkan jaringan sosial demi meneruskan kelestarian pembangunan masyarakat Islam yang mampan (Ismail, 1987). Secara khusus, jaringan sosial yang perlu diwujudkan oleh institusi masjid adalah jalinan sosial antara masjid, masyarakat sekeliling dan institusi-institusi lain. Perkara ini sangat penting kerana institusi masjid adalah tempat tumpuan masyarakat Islam, malah dikatakan hampir setiap hari masyarakat Islam berurusan dengan institusi masjid. Oleh itu, proses pengimarah masjid memerlukan keterlibatan masyarakat sekeliling serta institusi-institusi yang lain. Dalam konteks ini, skop jaringan antara institusi masjid dan entiti-entiti yang lain seharusnya berlaku dalam skop yang lebih luas iaitu pihak pengurusan masjid bukan sahaja perlu memperkasakan hubungan yang baik dengan masyarakat setempat, malah dengan pelbagai agensi sama ada agensi kerajaan seperti pihak sekolah, polis, universiti atau mana-mana agensi swasta dan badan-badan bukan kerajaan. (Ridhuwan Remly, 2020). Kepentingan mewujudkan elemen ini sememangnya tidak dapat dinafikan dan amat realistik untuk dilaksanakan kerana hasil dari pengalaman masjid-masjid yang cemerlang dan pernah menerima anugerah sebagai masjid terbaik adalah masjid yang turut menekankan hubungan luaran iaitu hubungan dengan organisasi luar dan masyarakat setempat (Solahudin Abdul Hamid, 2019).

### Program Pendidikan Non-Formal Masjid

Masjid merupakan sebuah institusi Islam yang strategik untuk membangunkan komuniti muslim yang cemerlang kerana kedudukannya di tengah-tengah masyarakat (Jamilia Mohd Marsin, 2017). Sehubungan itu, kedudukan masjid sewajarnya berada di kawasan lingkungan tumpuan orang ramai dan tidak terpercil dari kawasan persekitaran masyarakat bagi menggalakkan penggunaan masjid dalam setiap aktiviti dan kegiatan masyarakat yang berpusatkan masjid (N.Utaberta et.al, 2010). Dalam aspek ini, pemerksaan institusi masjid sebagai pusat pendidikan *non-formal* merupakan suatu agenda yang seharusnya diberi perhatian serius oleh pihak pentadbir masjid memandangkan institusi masjid adalah pelengkap kepada spektrum pendidikan lain dalam rangka pembangunan masyarakat Islam (Adanan Mat Junoh, 2013). Sungguh pun pembelajaran *non-formal* dilaksanakan tanpa struktur dan kurikulum yang sistematik serta tidak melibatkan penganugerahan sijil yang diiktiraf. Namun, bentuk pembelajaran ini diakui sebagai instrumen penting dalam membangunkan masyarakat yang berilmu pengetahuan di sesuatu tempat. Dengan menjadikan masjid sebagai pusat pembelajaran *non-formal*, institusi masjid akan terus kekal unggul sebagai satu institusi sosial Islam yang dapat mengendalikan pelbagai program pendidikan *non-formal* untuk kecemerlangan masyarakat Islam (Abdullah dalam Adnan, 2006). Untuk tujuan ini, pihak pengurusan masjid seharusnya berani melakukan transformasi dan anjakan paradigma ke arah menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan *non-formal* yang terkemuka dalam konteks pembangunan masyarakat Islam kontemporari. Dalam aspek ini, skop pembelajaran di masjid perlu diperluaskan kurikulumnya yang bukan sahaja merangkumi kelas-kelas pengajian keagamaan, malah kelas-kelas ilmiah yang lain seperti pelajaran komputer, sains, matematik dan lain-lain pelajaran dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa. Ini bermakna penyertaan program pembelajaran di masjid tidak boleh dihadiri oleh orang dewasa sahaja sebaliknya mesti melibatkan semua kategori dan kepelbagaian lapisan masyarakat Islam setempat (Fakhrul Adabi, 2007) terutamanya program pendidikan remaja Islam kerana mereka merupakan pelapis utama umat Islam yang berkualiti pada masa hadapan (Jamilia Mohd Marsin, 2017).

Dalam memperkasakan program pendidikan di institusi masjid masa kini, kandungan pembelajaran seharusnya menepati keperluan semasa masyarakat Islam dan silibus program pendidikan di masjid sekurang-kurangnya merangkumi tiga elemen asas program pendidikan Islam iaitu iman, Islam dan ihsan. Dalam aspek pelaksanaan pula, dicadangkan supaya program pembelajaran di masjid dijalankan juga seperti pengajian di pondok-pondok, menggunakan kitab-kitab rujukan tertentu mewakili ketiga-tiga cabang agama tersebut. (Ahmad Fakrurrazi, 2010). Selain itu, usaha-usaha mengintergrasikan ilmu perlu dilaksanakan iaitu ilmu-ilmu Islam yang diajar di masjid harus sentiasa dikaitkan dengan peristiwa dan realiti semasa. Dalam hal ini, golongan profesional dan intelektual muslim perlu dilibatkan sebagai tenaga pengajar dalam perbincangan ilmu-ilmu semasa berdasarkan kerangka paradigma pemikiran Islam. Hal ini dilihat sangat bersesuaian dalam merealisasikan pengajian multi disiplin di masjid bagi mengangkat martabat institusi masjid sebagai pusat pendidikan *non-formal* yang unggul. (Mohd. Nizho, 2019). Seterusnya, penambahbaikan terhadap program-program seperti forum, tazkirah dan ceramah sempena hari-hari kebesaran Islam juga perlu diberi nafas baru agar pelaksanaannya bukan sekadar retorik semata-mata tetapi bersifat realistik dan bersesuaian dengan citra masyarakat Islam kontemporari. Untuk tujuan ini, pihak pengurusan masjid disarankan agar dapat menilai tahap kebolehan tenaga pengajar yang terlibat dalam program pendidikan masyarakat di masjid. Perkara ini sangat mustahak

untuk dilaksanakan kerana pengalaman dari beberapa buah masjid yang cemerlang menunjukkan pihak pengurusan masjid sentiasa memastikan setiap penganjuran program pengajian harian dan bulanan dibuat kajian tentang keberkesannya agar kandungan ilmu yang disampaikan benar- benar berkesan kepada masyarakat Islam sekitar (Mohd.Nizho, 201). Bagi masjid yang berada dalam persekitaran masyarkat bukan Islam pula, sama ada mereka cenderung atau belum cenderung kepada Islam, pihak pengurusan masjid juga boleh mengambil pelbagai insiatif untuk menganjurkan program-program yang bersesuaian dengan mereka seperti mengadakan program dialog “*inter faith*” atau mana- mana program yang bersesuaian dengan mereka (Solahuddin Abdul Hamid, 201). Sekiranya pihak pengurusan masjid boleh melakukan transformasi dalam program pendidikan *non-formal* di masjid, maka sudah pasti elemen ini akan dapat memacu kecemerlangan institusi masjid sebagai pusat kecemerlangan pendidikan masyarakat Islam setempat.

### Aplikasi Teknologi dalam Proram Pengimarahen Masjid


Di era pembangunan masyarakat Islam kontemporari, aplikasi teknologi maklumat dalam sebarang program dan aktiviti pengimarahen di masjid dilihat berupaya meningkatkan kefahaman, motivasi, mewujudkan suasana pembelajaran dan daya kreativiti seseorang. (Kamsaton et.al., 2010) Elemen ini dilihat sangat penting dalam usaha memperkasakan semula peranan institusi masjid dalam agenda pembangunan masyarakat Islam kontemporari di Malaysia. Sebenarnya, aplikasi teknologi maklumat dalam setiap program pengimarahen di masjid ini dapat menarik minat pelbagai lapisan masyarakat Islam untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengimarahen masjid. Ini kerana setiap lapisan masyarakat tidak ketinggalan dalam mendapatkan sebarang ilmu dan maklumat terkini yang dikeluarkan oleh pihak masjid dengan cepat dan pantas (Rosnita Sharani et.al, 2013). Berdasarkan keperluan ini, setiap masjid perlu memanfaatkan kemudahan teknologi dalam penyebaran maklumat aktiviti dan program pengimarahen masjid kepada seluruh ahli kariah dengan berkesan dengan menggunakan kepelbagaian platform media sosial seperti e-masjid, e-fatwa, e-khutbah dan sebagainya. Untuk itu, laman- laman web dan “*facebaok page*” masjid perlu diwujudkan dan diaktifkan sepanjang masa bagi memudahkan urusan penyebaran maklumat kepada orang ramai berkenaan dengan maklumat aktiviti masjid setempat (Nor Azlina Abd. Wahab, 2016). Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan, maka kemudahan teknologi menjadi suatu elemen penting dalam usaha menarik minat pelbagai lapisan masyarakat Islam untuk mendekati diri dengan masjid terutama golongan anak muda yang sering menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian. Hakikat ini tidak dapat dipertikaikan lagi kerana dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan masjid-masjid yang diberi pengiktiran bintang oleh Jabatan Agama Islam Negeri adalah masjid- masjid yang memiliki prasarana teknologi maklumat yang lengkap seperti laman web, *facebook* dan *blogspot* dalam menyalurkan maklumat dan aktiviti terkini kepada warga masjid setempat (Muhammad Firdaus, et.al, 2017).

### PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis dokumen dari dapatan kajian-kajian lepas, penyelidik dapat mengenalpasti lima elemen keberkesanan utama yang dapat memberi nilai tambah kepada program pengimarahen masjid masa kini. Elemen utama adalah pengurusan profesional masjid. Elemen ini memerlukan jawatankuasa pengurusan masjid menguruskan program masjid secara cekap dan profesional dengan idea- idea kreatif bagi memakmurkan masjid dengan pelbagai aktiviti dan program yang bersifat kontemporari agar masjid ini dapat meluaskan fungsinya iaitu masjid dapat berperanan sebagai pusat kebajikan, ekonomi, kebudayaan, siasah, sosial dan lain- lain. Elemen ini adalah sebagai jalan penyelesaian terhadap fungsi masjid yang terhad seperti yang dilaporkan dalam dapatan kajian-kajian lepas. Elemen kedua adalah membangunkan *profiling* ahli kariah masjid agar pihak pengurusan masjid dapat mengenalpasti ruang lingkup masyarakat yang menjadi pengunjung sesebuah masjid. Dengan adanya sistem maklumat ahli kariah masjid, pihak pengurusan Masjid dapat menguruskan aktiviti dan program yang melibatkan komuniti setempat dengan lancar dan berkesan. Elemen yang ketiga adalah mewujudkan jaringan hubungan luar antara masjid dan agensi- agensi kerajaan dan swasta yang berdekatan. Elemen ini diperlukan kerana proses pengimarahen masjid di era kontemporari ini memerlukan keterlibatan dari semua pihak, bukan sahaja masyarakat sekeliling, malah pelbagai agensi yang lain seperti pihak sekolah, pihak polis, pihak universiti dan lain- lain agensi dalam usaha menjadikan instiusi masjid sebagai pusat pembangunan komuniti muslim setempat. Elemen yang keempat adalah memperkasakan program pendidikan *non-formal* masjid sebagai pusat ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat bagi masyarakat Islam sekitar. Elemen ini adalah untuk menjadikan masjid terus kekal relevan sebagai satu institusi sosial yang mengendalikan pelbagai program pendidikan *non-formal* untuk kecemerlangan masyarakat Islam setempat. Elemen terakhir adalah aplikasi teknologi dalam penganjuran program pengimarahen masjid masa kini. Elemen ini begitu signifikan dalam meningkatkan keberkesanan penganjuran aktiviti pengimarahen masjid masa kini kerana kemudahan teknologi sememangnya tidak dapat dinafikan dapat memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat Islam setempat.

### KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kelima- lima elemen yang dinyatakan di atas dapat dijadikan sebagai model konseptual kajian bagi penyelidik menjalankan kajian dalam konteks pemerkasaan program pengimarahen di Masjid Negeri Pulau Pinang. Sehubungan itu, Sehubungan itu, model konseptual kajian ini dapat dibangunkan seperti yang berikut:



**Rajah 1:** Model Konseptual Kajian Pemerkasaan Program Pengimarahen Masjid Negeri Pulau Pinang.

## PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Masjid Negeri Pulau Pinang atas penajaan geran penyelidikan RDU212301 dan RDU210701 dari 01/02/2021 sehingga 31/01/2022.

## RUJUKAN

- [1] Adnan Mat Junoh et.al (2013), "Profile Penyertaan Dalam Pendidikan Non- Formal di Masjid: Implikasi Terhadap Pembangunan Modal Insan." 'Ulum Islamiyyah Journal, Vol. 11 , Dcember, 2013, pp 31- 47.
- [2] Asfarina binti Zubir et.al (2018), "Faktor Sambutan Masyarakat Islam Terhadap Kelas Takmir Akidah di Masjid Negeri Kelantan." Malaysian Journal For Islamic Studies, Jilid 2, 2018.
- [3] Bushral Huda Abd Manan et.al (2014), "Konsep Nilai Guna Dalam Penilaian E- Masjid: Tinjauan Awal." Bil. 2, Journal Islamiyyat.
- [4] Fakhrol Adabi (2007), Keberkesanan Kelas Agama di Masjid daerah Hulu Langat Selangor. Jurnal Usuluddin, Bil. 25 (2007)
- [5] Mohamad Sofuan bin Mohamad Saleh et.al (2019), Masjid Mesra Ummah – Isu dan Cabaran. e-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019) 30th October 2019, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
- [6] Mohd Ridhuwan Remly et.al (2020), "Prinsip Sosial Dalam Pengimarahen Institusi Masjid." Jurnal Hadhari 12 (1), 2020, 1-15.
- [7] Mohd Ridhwan Remly et.al (2019), "Prinsip al-Imarah Dalam Kalangan AJK Masjid ke arah Mengimarahkan Masjid." Volume 4, Issue 2, Journal AL-Turath.
- [8] Muhamad Faisal Ashaari et.al (2018), "Pandangan Imam Dan Pentadbir Masjid Tentang Kehadiran Masyarakat Ke Masjid." Jurnal Hadhari 10 (2) (2018) 205-223 ejournals.ukm.my/jhadhari.
- [9] Muhammad Firdaus bin Muhammad Sabri et.al (2013), "Perbandingan Pengurusan Kualiti Masjid yang diberi pengiktirafan Bintang." Journal of Business Innovation, Volume 2, No. 1/ 2017: 25-41.
- [10] Muhammad Imran Ibrahim et.al (2020), "Pembangunan Remaja Masjid Masa Kini: Satu Tinjauan di Masjid Daerah Kinta, Perak." Volume 3, Issue 3, Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences.
- [11] N Utaberta et. al (2010), "Dokumentasi , Analisis Dan Penggunaan Hadith: Satu Penilaian ke Atas Rekabentuk Masjid Moden di Malaysia." Volume 1, Issue 1, Journal of Building Performance.
- [12] Nor Azlina Abd. Wahab et.al (2016), "Prinsip Sosial Dalam Pengimarahen Institusi Masjid." Jurnal Hadhari 12 (1), 2020, 1-15.
- [13] Nor Azlina Abd. Wahab et.al (2016), "Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari." Volume 5, Issue 2, e-Academia Journal UiTMT.
- [14] Rosnita Sharani et.al (2013), "Keberkesanan Institut Masjid dalam penyebaran Ilmu dan maklumat: satu kajian kes." Informika, jilid 1, 2011: 45- 52.
- [15] Syuhadak Mahmud, Masjid Puncak Alam: Imarah Hissi Dan Maknawi, e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017) 4th & 5th December 2017, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
- [16] Shuhadak Mahmud et.al (2014), "Perlaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarahen Masjid." Volume 6, Issue 2, Journal AL-HIKMAH.
- [17] Siti Dalila binti Mohd Sojak et.al, Penerapan Nilai Islam Dalam Membangun Jiwa Institusi Masjid Pada Era Kontemporari.

- [18] Solahudin Abdul Hamid et.al (2019), “Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Masjid-Masjid Terbaik.” e-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019) 30th October 2019, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
- [19] Yusmini Md. Yusoff et.al (2004), “Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri Di Semenanjung Malaysia.” Bil. 2, Journal Usuluddin.